

# 15,000 akan meriahkan Pesta Konvokesyen UniSZA hari ini

**KUALA TERENGGANU 4 Dis.** - Lebih 15,000 orang dijangka memeriahkan Pesta Konvokesyen Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 2014 di kampus universiti itu di Gong Badak dekat sini, mulai esok hingga 8 Disember ini.

Pesta konvokesyen itu bukan sahaja sebagai meraikan kejayaan graduan tetapi juga sebagai medium untuk mendekatkan orang ramai kepada institusi itu yang kini turut dikembangkan sebagai sebuah Pusat Transformasi Komuniti yang menjadi rujukan umum dalam pelbagai bidang.

Pengerusi Jawatankuasa Pesta Konvokesyen UniSZA 2014, Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar berkata, program selama empat hari itu akan dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom, pagi esok.

Nik Wan yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UniSZA memberitahu, selain program keilmuan, persembahan pentas, wayang kulit dan aktiviti bersama masyarakat, sepanjang pesta itu berlangsung, lebih 100 lot jualan dan pameran pelbagai jenis barang dan perkhidmatan disediakan.

Beliau berkata, jabatan dalam UniSZA pula akan memperkenalkan produk serta khidmat mereka untuk disumbangkan kepada masyarakat antaranya menerusi Pusat Islam UniSZA, Agropolis dan Institut Penyelidikan Pantai Timur (ESERI).

"Juga terdapat pameran oleh Polis Diraja Malaysia, Agensi Anti-



dawah Kebangsaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan Kelab Veteran Komando Malaysia," katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini kelmarin.

Selain itu, kata beliau, slot malam kesenian Islam malam esok dijangka turut mendapat perhatian orang ramai dengan persembahan dikir zikir oleh pelajar universiti berkenaan di samping penampilan khas penceramah terkenal tempatan, Mustafa Kamal.

Nik Wan menjelaskan, pesta kali ini turut dimeriahkan dengan pelbagai acara sukan antaranya kejohanan bola jaring, sukaneka basikal, motosikal lambat, pertandingan nyanyian lagu-lagu P. Ramlee di samping persembahan dikir barat.

Katanya, artis popular termasuk Datuk Jamal Abdillah, Aris Ariwatan, Ainan Tasneem dan Black pula akan mengadakan persembahan pada malam akhir (8 Disember).



**Slot malam kesenian Islam malam esok dijangka turut mendapat perhatian orang ramai dengan persembahan dikir zikir oleh pelajar universiti berkenaan di samping penampilan khas penceramah terkenal tempatan."**

**NIK WAN OMAR**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UniSZA